

# UMS terap kemahiran insaniah mahasiswa melalui MSM

UB 4.9.2014 B4

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyetujui bakat kepimpinan mahasiswa senior mengendalikan Minggu Suai Mesra (MSM) sempena kehadiran pelajar-pelajar baharu sesi 2014/2015.

Menurut Timbalan Naib Canselor HEP UMS Prof Madya Dr Ismail Ali (*gambar*), langkah itu bertujuan melatih siswa-siswi UMS mempraktikkan kreativiti dan daya kepimpinan mengelolakan sesuatu acara besar selaras saranan kerajaan ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing.

"Mahasiswa ini yang juga dikenali sebagai Pembimbing Suai Mesra (PSM) membantu pihak universiti membimbing pelajar-pelajar baharu menyesuaikan diri dengan suasana kampus selain membentuk disiplin dan sahsiah diri yang tinggi," katanya ketika ditemui.

Beliau yakin dengan kemampuan setiap PSM yang sebelum ini turut diberikan kursus dan latihan kepimpinan sebagai persiapan bagi memastikan kelancaran MSM kali ini.



"Sesungguhnya, penglibatan mereka dalam MSM amat kita perlukan dan hargai. Pendekatan ini kita akan teruskan pada masa-masa akan datang kerana ia juga sekali gus mampu meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa," katanya.

MSM UMS berlangsung seminggu sehingga 7 September ini dengan pelbagai pengisian menarik yang bakal mempersiapkan fizikal dan mental para pelajar baharu untuk bergelar siswa-siswi UMS yang cemerlang dan seimbang.

Dengan tema 'Peneraju Legasi Transformasi', MSM ke-20 dilihat bakal menjadi minggu suai mesra yang terbaik selaras dengan sambutan ulangtahun UMS yang ke-20 tahun ini.